

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PENIAGAWATI KE 40

TARIKH : 6 Dis 2022
MASA : 4:00 petang
TEMPAT: Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur

KEHADIRAN : Ahli Seumur Hidup (LM)	- 34
Ahli Biasa (OM)	- 10
Proksi	-
Jumlah Kehadiran	44 orang

PENGERUSI : YBhg Puan Noriah Ashari
Yang Di Pertua

AGENDA

- 1.0 Kata Aluan serta Pengumuman Koram oleh Pengerusi Mesyuarat
- 2.0 Ucapan Dasar Presiden Peniagawati
- 3.0 Perlantikan Juruaudit Dalaman & Juruaudit Luaran bagi tempoh 2024/2025
- 4.0 Pembentangan Usul (Jika Ada)
- 5.0 Hal-Hal Lain
- 6.0 Penangguhan Mesyuarat

BIL	PERKARA	TINDAKAN										
1.0	<u>Pesanan Pengerusi Mesyuarat</u>											
1.1	Puan Noriah Ashari selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkatNya, Mesyuarat Agung Tahunan ke 39 telah selesai dan pemilihan telah dibuat.											
1.2	Pengerusi mengucapkan tahniah kepada barisan Jawatankuasa Kerja yang baru dilantik dan semoga tugas yang disandang dapat dijalankan dengan penuh komitmen dan telus.											
2.0	<u>Pengumuman Koram</u>											
2.1	Pengerusi memaklumkan kepada sidang mesyuarat bahawa ahli yang hadir memenuhi koram adalah seperti berikut: <table><tr><td>Ahli Seumur Hidup</td><td>34</td></tr><tr><td>Ahli Biasa</td><td>10</td></tr><tr><td>Proksi.</td><td>:</td></tr><tr><td></td><td><u> </u></td></tr><tr><td></td><td>44 orang</td></tr></table>	Ahli Seumur Hidup	34	Ahli Biasa	10	Proksi.	:		<u> </u>		44 orang	
Ahli Seumur Hidup	34											
Ahli Biasa	10											
Proksi.	:											
	<u> </u>											
	44 orang											
3.0	<u>Ucapan Dasar Presiden PENIAGAWATI</u>											
3.1	Dato’ Presiden, YBhg. Dato’ Emmy Suraya memulakan dengan ucapan terima kasih dan bersyukur kehadiran Ilahi kerana telah diberi kepercayaan untuk menggalas jawatan Presiden untuk sesi 2024/2026.											
3.2	Dato’ Presiden menyatakan beliau dan barisan EXCO akan terus berusaha menambahbaik tata pengelolaan dan pentadbiran persatuan dari masa ke semasa.											
3.3	Dato’ Presiden menggalakkan supaya ahli lebih aktif berinteraksi dengan Ahli Jawatankuasa supaya tidak ketinggalan dalam apa-apa program yang dianjurkan oleh persatuan. Hebahan boleh didapati melalui aplikasi Telegram.											
3.4	Beliau juga mahu sekiranya mana-mana ahli yang ingin berkolaborasi dengan Peniagawati, mohon berjumpa dengan kami atau hubungi Sekretariat untuk perbincangan lanjut.											
3.5	Sebagai persatuan Wanita Bumiputera premier di Malaysia, Dato’ Presiden ingin mengusahakan agar Peniagawati dapat memiliki sebuah Rumah Peniagawati. Permohonan telah dihantar dan di dalam pertimbangan di pihak Ketua Setiausaha Negara.											
3.6	Dato’ Presiden berkongsi beberapa perancangan aktiviti dan jaringan niaga akan datang Peniagawati. Di antaranya;											

	i. Peniagawati telah dijemput untuk usahasama Jabatan Perdana Menteri – Jelajah satu Malaysia untuk mempromosikan produk produk IKS di kalangan ahli. ii. Kerjasama dengan HAWA Malaysia dibawah pimpinan YBhg. Tan Sri Sharizat Jalil yang juga ahli seumur hidup Peniagawati bersama MITI untuk program program usahawan wanita. iii. Program berkala di teruskan bersama Wassiyah Shoppe. Setakat ini Program Pengurusan Harta ini telah dijalankan di Sarawak, Perlis, Kuantan dan Kuala Lumpur. iv. Usahasama bersama Ikatan Wanita Pengusaha Indonesia (IWAPI) mengadakan Sidang Ekspo dan Jaringan Niaga di antara pengusaha 40 provinsi Indonesia dan Malaysia pada 22 – 26 September 2024 di Sunway Putra Hotel Kuala Lumpur.	
3.7	Dato’ Presiden juga menyatakan Peniagawati akan cuba memohon geran di bawah beberapa Kementerian untuk menambahbaik status kewangan persatuan.	
3.8	Dato’ Presiden berharap dapat mewujudkan perwakilan Peniagawati seperti yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung Khas. Perwakilan ini akan di bahagikan melalui Zon.	
4.0	<u>Perlantikan Juruaudit Dalaman bagi tempoh 2024-2025</u>	
4.1	Puan Latifah Mohd Ghazali (LM 0139) mencadangkan Puan Ili Zawani Ismail (LM 0929) sebagai Juruaudit Dalaman bagi tempoh 2022-2023 dan disokong Puan Norazian Nordin (LM0777).	
5.0	<u>Perlantikan Juruaudit Luaran bagi tempoh 2024-2025</u>	
5.1	Dato’ Azlin Ahmad Shaharbi (LM 0030) mencadangkan A Razak & Co dilantik sebagai Juruaudit Luaran bagi tempoh 2024-2025 dan disokong oleh Datin Rohaiza Mat Rejab(LM0269).	
6.0	<u>Penangguhan Mesyuarat</u>	
6.1	Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dan memberi kerjasama yang baik sepanjang perjalanan mesyuarat dan memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan atau tersalah tutur kata semasa beliau menjalankan tugas sebagai Pengerusi mesyuarat.	
6.2	Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 40 ditangguhkan pada jam 5.00 petang.	

Disediakan oleh:

Hasnida Abdul Hamid
Setiausaha Kehormat

Disemak oleh:

Dato Emmy Suraya HUSsein
Presiden